



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 31 OGOS 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 31 Ogos 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **18,465 kes** (1,461,727 kes kumulatif, 83.7%);
- Kes baharu : **20,897 kes** (1,746,254 kes kumulatif);
- Kes import : **1 kes** (warganegara);
- Kes tempatan : **20,896 kes** [18,326 warganegara (87.7%); 2,570 bukan warganegara (12.3%)];
- Kes aktif : **267,863 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,005 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **464 kes**;
- Kes kematian : **282 kes** [16,664 kes kumulatif, 0.95%; 238 warganegara, 44 bukan warganegara; 98 kes BID (63 warganegara; 35 bukan warganegara)];

- Jumlah kluster : **4,731 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **22 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **3,256 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,475 kluster**.

Daripada **20,897 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **422 kes (2.0 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **20,475 kes (98.0 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa COVID-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

Secara keseluruhan, **15,371 kes (73.6 peratus)** daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini tiada atau tidak lengkap vaksinasi. Dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius. Diharapkan ini akan mengurangkan jangkitan COVID-19 di dalam negara, terutamanya kes di kategori 3 hingga 5. Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti Rajah 1.


STATUS VAKSINASI KES COVID-19 | 31 OGOS 2021

HARIAN MENGIKUT KATEGORI



BERDASARKAN KEADAAN KLINIKAL SEMASA BAHARU DIDIAGNOSA COVID-19

KATEGORI 5	KATEGORI 4	KATEGORI 3	KATEGORI 2	KATEGORI 1
Kritikal & perlu bantuan pernafasan: Purata jagaan di ICU selama 21 hari	Radang paru-paru & perlu bantuan oksigen: Purata jagaan di ICU selama 14 hari	Radang paru-paru: Memerlukan rawatan dan pemerhatian di hospital	Bergejala ringan	Tidak bergejala



Sumber : CPRC, KKM

Rajah 1 Status Imunisasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Sebanyak **282 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **139 kes** di Selangor, **52 kes** di Johor, **21 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **15 kes** di Sabah, **12 kes** di Pulau Pinang, **11 kes** di Kedah, **sembilan (9) kes** di Kelantan, **tujuh (7) kes** di Pahang, **lima (5) kes** di Melaka, masing-masing **tiga (3) kes** di Negeri Sembilan dan Perak, **dua (2) kes** di Terengganu, serta

masing-masing **satu (1) kes** di Perlis, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T **(STATUS SEHINGGA 30 OGOS 2021)**

Berdasarkan data terkini pada **30 Ogos 2021**, nilai R_T Malaysia adalah sebanyak 1.02. Negeri yang mencatatkan nilai R_T yang tertinggi adalah Perlis (nilai R_T 1.22), diikuti oleh Sarawak (nilai 1.19), dan Sabah (nilai R_T 1.12). Semua negeri mencatatkan nilai R_T melebihi 1.0 kecuali Melaka, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Negeri Sembilan.

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kes-kes kematian, kluster-kluster baharu, dan nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, 4, dan 5 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN KE-64

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan besar hatinya mengucapkan Hari Kebangsaan Ke-64 kepada semua warga Malaysia. Sempena hari yang bersejarah ini juga, KKM ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pejuang barisan hadapan dan petugas balik tabir yang telah bertungkus lumus berjuang menentang musuh Negara yang kini sedang mengancam dunia, iaitu COVID-19. Tidak dilupakan penghargaan kepada seluruh rakyat Malaysia yang tetap patuh kepada Prosedur Operasi Standard (SOP). Bersama-samalah kita sebagai satu pasukan dalam memelihara kesejahteraan ibu pertiwi kita ini dengan segera mendapatkan vaksin bagi yang layak dan mematuhi SOP. Semoga Malaysia 'merdeka' daripada ancaman virus ini dan dapat segera hidup seperti sediakala.

Salam kemerdekaan. #MalaysiaPrihatin

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

31 Ogos 2021 @ 6:45 petang.

LAMPIRAN 1



BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA

(setakat 31 Ogos 2021, jam 12:00 tengahari)

Negeri	Purata Kes 7 Hari *	Kadar Insiden **	Bilangan Kes Baharu () ***	Bilangan Kes Kumulatif
Selangor	5,312	77.95	4,371 (1)	603,995
Sabah	2,848	69.27	2,594	147,843
Sarawak	2,166	73.51	2,285	116,558
Johor	2,074	52.12	2,159	138,647
Kedah	1,936	84.24	1,942	99,042
Pulau Pinang	1,727	94.58	1,732	86,491
Kelantan	1,294	64.76	1,479	77,526
Perak	1,122	63.25	1,204	68,093
WP Kuala Lumpur	928	48.21	1,003	173,239
Pahang	687	26.11	798	44,133
Terengganu	631	47.87	608	33,492
Melaka	445	45.73	417	48,558
Negeri Sembilan	322	27.46	215	91,476
Perlis	63	23.40	64	1,954
WP Putrajaya	35	36.05	25	5,398
WP Labuan	3	3.28	1	9,809
Malaysia	21,593	63.07	20,897 (1)	1,746,254

*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI)

Sumber: CPRC, KKM

**Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk

***Kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 285 kes kematian pada 31 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian						Sejarah Penyakit
		L*	P*	WN**	BWN**	Hospital			BID***			
						Jumlah	WN**	BWN**	Jumlah	WN**	BWN**	
Selangor	139	86	53	111	28	72	70	2	67	41	26	100
Johor	52	33	19	47	5	45	42	3	7	5	2	40
WP Kuala Lumpur	21	9	12	16	5	11	10	1	10	6	4	19
Sabah	15	6	9	12	3	6	6	-	9	6	3	13
Pulau Pinang	12	8	4	11	1	11	10	1	1	1	-	8
Kedah	11	7	4	11	-	11	11	-	-	-	-	10
Kelantan	9	3	6	8	1	8	7	1	1	1	-	8
Pahang	7	6	1	7	-	5	5	-	2	2	-	5
Melaka	5	3	2	4	1	4	3	1	1	1	-	4
Negeri Sembilan	3	1	2	3	-	3	3	-	-	-	-	3
Perak	3	1	2	3	-	3	3	-	-	-	-	3
Terengganu	2	-	2	2	-	2	2	-	-	-	-	2
Perlis	1	1	-	1	-	1	1	-	-	-	-	1
Sarawak	1	1	-	1	-	1	1	-	-	-	-	1
WP Putrajaya	1	1	-	1	-	1	1	-	-	-	-	1
Jumlah	282	166	116	238	44	184	175	9	98	63	35	218

*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

**WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

***BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 20,897 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 31 Ogos 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	4,371	149	2,287	1	1,934
SABAH	2,594	40	1,573	-	981
SARAWAK	2,285	100	1,753	-	432
JOHOR	2,159	152	1,104	-	903
KEDAH	1,942	46	1,198	-	698
PULAU PINANG	1,732	127	565	-	1,040
KELANTAN	1,479	69	951	-	459
PERAK	1,204	116	482	-	606
WP KUALA LUMPUR	1,003	7	503	-	493
PAHANG	798	164	516	-	118
TERENGGANU	608	25	439	-	144
MELAKA	417	80	206	-	131
NEGERI SEMBILAN	215	9	97	-	109
PERLIS	64	3	29	-	32
WP PUTRAJAYA	25	-	15	-	10
WP LABUAN	1	-	-	-	1
JUMLAH KESELURUHAN	20,897	1,087	11,718	1	8,091

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 31 OGOS 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Paku Minyak Beku	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	15	47
2	Industri Parit Ju	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	11	86
3	Jalan Tanjung Laboh	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	11	66
4	Jalan Sawit Baru Enam	Tempat Kerja	Johor	Kulai	9	113
5	Kawasan Perindustrian 11	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu, Bachok, dan Pasir Mas	14	26
6	Jalan Pasar Pengkalan Chepa	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu	12	22
7	Ladang Renjok	Tempat Kerja	Pahang	Bentong	56	155
8	Ladang Sri Telang	Tempat Kerja	Pahang	Lipis	35	97
9	Industri Dua Batu 16 Setengah Rawang	Tempat Kerja	Selangor	Gombak	56	63
10	Industri Meranti Jaya 10	Tempat Kerja	Selangor	Sepang	13	71
11	Sawit Jeroco	Tempat Kerja	Sabah	Lahad Datu	55	249
12	Kampung Nipah	Komuniti	Kelantan	Bachok	14	22
13	Beris Panchor	Komuniti	Kelantan	Bachok	11	14
14	Kampung Chandang	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	7	17
15	Kampung Kubang Gendang Chetok	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	5	10

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
16	Kampung Sungai Sia	Komuniti	Pahang	Raub	9	299
17	Nasakot	Komuniti	Sabah	Ranau	31	97
18	Kampung Pecah Rotan	Komuniti	Terengganu	Kuala Nerus dan Kuala Terengganu	95	548
19	Kampung Nelayan Benut	Komuniti	Johor	Pontian	25	159
20	Jalan USJ 1/3B	Kumpulan Berisiko Tinggi	Selangor	Petaling	16	26
21	Dah Gajah Mati	Kumpulan Berisiko Tinggi	Kedah	Kota Setar, Pendang, Kuala Muda, Kulim, dan Bandar Baharu	29	58
22	DTI Sepang 3	Pusat Tahanan	Selangor	Sepang	185	336

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 30 OGOS 2021**

NEGERI	NILAI R_T
PERLIS	1.22
SARAWAK	1.19
SABAH	1.12
PULAU PINANG	1.10
JOHOR	1.09
KEDAH	1.05
KELANTAN	1.05
PERAK	1.05
TERENGGANU	1.03
PAHANG	1.01
SELANGOR	0.93
MELAKA	0.90
WP PUTRAJAYA	0.88
WP KUALA LUMPUR	0.83
NEGERI SEMBILAN	0.82
WP LABUAN	0
MALAYSIA	1.02